

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN  
(KELANA JAYA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 07.03.2017**

**Y.B. TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) sama ada Kementerian sedang bekerjasama dengan Jabatan Imigresen untuk menghubungi Jasmine Loo Ai Swan dan Casey Tang Keng Chee; dan
- (b) adakah mereka masih tersenarai dalam senarai pengamatan Bank Negara bagi tujuan siasatan di bawah Akta Kawalan Pertukaran Asing 1953.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Sejak siasatan Bank Negara Malaysia (“BNM”) dimulakan pada

bulan Jun 2015 ke atas 1MDB, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah 1MDB telah memberi kerjasama sepenuhnya kepada BNM. Selain menyerahkan jawapan bertulis dan berkongsi dokumen, anggota Lembaga Pengarah 1MDB, kakitangan semasa dan bekas kakitangan telah ditemu bual oleh BNM dengan kenyataan saksi di rekod secara terperinci.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan terhadap kes yang melibatkan kedua-dua individu tersebut telah selesai dan berdasarkan hasil siasatan, tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap syarikat berkenaan menurut peruntukan undang-undang sedia ada dengan persetujuan Jabatan Peguam Negara, di mana BNM telah mengeluarkan surat kompaun pentadbiran kepada 1MDB kerana kegagalan mematuhi sepenuhnya arahan yang dikeluarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. 1MDB telah pun membayar kompaun tersebut dengan sepenuhnya.

Oleh yang demikian, kedua-dua individu tersebut tidak lagi di bawah pemantauan BNM, kecuali sekiranya terdapat sebarang maklumat baru berkaitan pelanggaran peruntukan undang-undang

**yang dikawal selia oleh BNM.**